




**PELAN KONSEP
KAMPONG BHARU**
*KAMPONG BHARU CONCEPT PLAN
(KBCP) 2019*

MEMPERKASA HARTANAH MELAYU DI PUSAT BANDAR RAYA KUALA LUMPUR

Penglibatan Anda Adalah Penting & Amat Diperlukan

KOMPONEN PEMBANGUNAN



KOMPONEN 8 Pembangunan Bercampur
 . Retail . Pangsupuri Perkhidmatan/SOHO/SOVO

KOMPONEN 9 Koridor Perdagangan
 . Menara Mercu Tanda . Pejabat/ Hotel

KOMPONEN 10 Institusi

KOMPONEN 1 Taman Warisan Kampung Baru
 . Kampung Warisan Melayu . Masjid Kampung Baru dan Plaza Masjid . Rumah Replika Warisan

KOMPONEN 2 Pusat Seni, Persembahan dan Kebudayaan Melayu
 . Pentas Persembahan
 . Aktiviti Kebudayaan dan Persembahan Melayu
 . Ruang Perfileman Melayu

KOMPONEN 3 Kompleks Warisan Melayu
 . Mempromosi dan menjual barangan makanan dan peralatan tradisional Melayu

KOMPONEN 4 Residensi 'Park View'
 . Perumahan eksklusif berhadapan Taman Warisan Kampung Baru

KOMPONEN 5 Residensi Wilayah
 . Perumahan Mampu Milik

KOMPONEN 6 Residensi Berkepadatan Sederhana

KOMPONEN 7 Residensi Berkepadatan Tinggi

Pusat Seni, Persembahan & Kebudayaan Melayu

Menjadi pentas persembahan dan pembelajaran seni tarian (zapin, inang, gamelan, mak yong), muzikal (ghazal), nubat, dondang sayang, gamelan, keroncong), sukan (gasing, wau, sepak raga, congkak), perfileman serta seni belia diri (silat cekak, siat gayong, siat bunga) Masyarakat Melayu.

Program berjadual akan disusun dalam menarik pengunjung serta pelancong luar dan dalam negara menghayati, memahami dan mempelajari budaya serta cara hidup masyarakat Melayu



Kampung Warisan Melayu

Menempatkan replika rumah-rumah tradisional Kampung Baru dimana ia akan digunakan sama ada sebagai restoran makanan Melayu, Muzium Kesenian & Tradisional Melayu, Teratak Kraftangan Melayu, 'Boutique Hotel' serta pusat informasi Warisan Melayu Kampung Baru.

Senibina bangunan dan reka bentuk ruang kawasan ini akan mengadaptasi suasana dan landskap perkampungan Melayu tradisional



Gerbang Kampung Warisan Melayu



Susunatur Perkampungan Warisan Melayu



Bangunan Tradisional Makanan Melayu



Muzium Tradisional Melayu



Mempamerkan Seni Dan kraf Melayu

Kompleks Warisan Melayu

Mempromosi barangan tradisional Melayu



Menara Mercu Tanda

Mengadaptasi seni bina tradisi melayu berkonepkan lipatan tradisional sampin dan tengkolok



Menara Mercu Tanda

Saloma Link


Penghubung berkonepkan sirih junjung menghubungkan Kampong Bharu dengan KLCC



Perumahan untuk Semua

Sejumlah 45,000 unit kediaman bagi memberi peluang kepada lebih ramai Melayu memiliki hartanah di Pusat Bandar Kuala Lumpur dan 50% adalah kediaman mampu milik.





HALA TUJU

Memudahkan pembangunan Kampong Bharu dengan mengekalkan identiti Melayu secara persetujuan bersama dan pragmatik

VISI

Kampong Bharu sebagai lembah warisan Melayu menfokuskan kediaman pelbagai peringkat pendapatan disamping pembangunan perdagangan di Pusat Bandar Kuala Lumpur

MISI

Membangunkan Kampong Bharu melalui pendekatan inklusiviti, meningkatkan kemampuan pemilikan dan keboleh hidupan disamping membuka peluang kepada orang Melayu memiliki hartanah serta terlibat dalam perniagaan di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur

| | |
|----------------------------|---------------|
| Keluasan Keseluruhan PKB | 300.73 Ekar |
| Jumlah Lot Keseluruhan | 1,346 Lot |
| Jumlah Pemilik Keseluruhan | 6,971 Pemilik |
| Keluasan M.A.S | 219.91 Ekar |
| Jumlah Lot M.A.S | 879 Lot |
| Jumlah Pemilik M.A.S | 5,374 Pemilik |
| Tanah Terlibat Perolehan | 153.46 Ekar |
| Lot Terlibat Perolehan | 825 Lot |
| Pemilik Terlibat Perolehan | 5,359 Pemilik |
| Penduduk (2010) | 18, 374 Orang |
| Jumlah Lot Tiada Hakmilik | 33 Lot |



SENARIO 1: PEMBANGUNAN KOMPREHENSIF



SENARIO 2: PEMBANGUNAN TERPILIH



SENARIO 3: KAMPUNG WARISAN



SENARIO 4: PEMBANGUNAN BERDASARKAN TREN




SENARIO 4: PEMBANGUNAN ORGANIK

- KBKP akan menfokuskan kepada Kawasan M.A.S Kampung Bharu sahaja
- Pembangunan sedia ada atau komited berketinggian lebih 10 tingkat tidak akan diambilkira
- Tapak-tapak kemudahan sedia ada akan dikekal dan cadangan penaiktarafan akan dibuat tertakluk kepada keperluan masa hadapan
- Penetapan Zon Guna Tanah (Perdagangan Pusat Bandar Raya) dan Intensiti Pembangunan (1:10.0) adalah berdasarkan penetapan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020



| | |
|---|---------------------|
| ○ KLUASAN TANAH MAS | 219.91 EKAR |
| ● PEMBANGUNAN KOMITED/SEDIA ADA | 4.78 EKAR |
| ● KEMUDAHAN AWAM | 18.40 EKAR |
| ● INFRASTRUKTUR DAN UTILITI | 0.32 EKAR |
| ● REZAB JALAN | 42.95 EKAR |
| ● TANAH-TANAH YANG DIANGGARKAN TERLIBAT DENGAN PEMBANGUNAN SEMULA *TAPAK-TAPAK INI MEMILIKI BNAGUNAN TIDAH LEBIH 5 TINGKAT DAN BOLEH DIBANGUNKAN SEMULA | 153.46 EKAR (MAS) |
| ● KAWASAN SUNGAI BARU | 0.55 EKAR |

| ● PEMBANGUNAN KOMITED/SEDIA ADA | |
|-----------------------------------|------------------|
| 1 ZIKAY DEVELOPMENT | 1.31 EKAR |
| 2 PLAZA RAH | 1.11 EKAR |
| 3 RAH RESIDENSI | 0.82 EKAR |
| 4 ARINA UNITY DEVELOPMENT SDN BHD | 0.37 EKAR |
| 5 SAFUAN GROUP BERHAD | 0.29 EKAR |
| 6 NAZA PROPERTIES SDN BHD | 0.54 EKAR |
| 7 JANAF SDN BHD | 0.34 EKAR |
| JUMLAH | 4.78 EKAR |



KAMPONG BHARU MASA HADAPAN

Penduduk

160,000 orang

Kediaman

45,000 unit

Ruang Lantai

85 juta kaki persegi

Rumah Mampu Milik

50%

'Heritage Park'

28 ekar

Komersial Mampu Milik

10%

PRINSIP PELAN KONSEP

- 1 Menyediakan satu pelan yang kompetitif serta mampu menarik minat pelabur, pembeli dan penyewa melibatkan diri dalam pembangunan semula Kampong Bharu
- 2 Memastikan penyediaan ruang-ruang awam berskala besar seperti kawasan lapang, riadah dan kemudahan masyarakat dalam menampung keperluan penduduk di masa akan datang
- 3 Memastikan penyediaan jaringan infrastruktur dan memenuhi keperluan utiliti yang mampu menampung pertumbuhan penduduk, pekerjaan, dan isipadu trafik yang lebih tinggi pada masa hadapan
- 4 Memastikan elemen warisan, seni bina, budaya dan cara hidup orang Melayu terus dipelihara dan dipulihara serta diseimbangkan dengan konteks pembangunan moden
- 5 Meningkatkan nilai tanah Kampong Bharu yang selama ini terpendam akibat tidak dibangunkan setanding dengan kawasan sekitarnya
Dengan peningkatan nilai tanah, ianya akan memberikan pulangan yang maksimum kepada pemilik tanah
- 6 Memastikan lebih ramai orang Melayu akan berpeluang tinggal dan menjalankan perniagaan di Pusat Bandar Raya
Dianggarkan ± 45,000 unit kediaman dari pelbagai jenis rumah disediakan berbanding 4,500 unit kediaman pada masa kini. Daripada jumlah ini 50% terdiri daripada Kediaman Mampu Milik
Sebanyak 9 juta kp ruang lantai perniagaan akan disediakan berbanding 1 juta kp ruang perniagaan pada masa kini. Daripada keluasan ini 10% diperuntukan untuk 'Komersial Mampu Milik'

KOMPONEN UTAMA KBCP 2019



Taman Warisan Kampong Bharu Masjid Jamek Kampong Bharu sebagai mercu tanda yang turut dilindungi komponen 'Kampung Warisan Melayu', Pusat Seni, Persembahan dan Kebudayaan Melayu dan Kompleks Warisan Melayu bagi memelihara dan memulihara gaya dan cara hidup orang Melayu



CADANGAN PLAN KONSEP



Kediaman Pelbagai Pendapatan

Direkabentuk dengan menjadikan Kampong Bharu sebagai destinasi tempat tinggal bagi Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur melalui penawaran pelbagai reka bentuk unit kediaman bagi semua lapisan pendapatan



Warisan Kebudayaan dan Makanan

Aktiviti berterusan mempromosikan tradisi Melayu seperti kraftangan, seni, budaya, persembahan dan persilatan akan dilaksanakan oleh badan khusus Kampong Bharu

Kepelbagaian aktiviti penjajaan dan kedai makanan di sepanjang Jalan Raja Muda Musa akan dipertingkatkan dan dimodenkan bagi menarik pengunjung